

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2021 PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN NIK MOHAMAD ABDULLAH BIN NIK ABDUL AZIZ [BACHOK] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah penyelesaian tapak pelupusan sampah di Bachok yang mendorong kepada pencemaran alam sekitar yang ketara buat masa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam termasuk operasi Tapak Pelupusan Beris Lalang (TPBL) di Bachok adalah di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam memandangkan negeri Kelantan tidak menerima pakai **Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)**.

TPBL menerima sisa pepejal daripada 4 PBT iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu - Bandaraya Islam (MPKB-BRI), Majlis Daerah Bachok (MDB), Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP) dan Majlis Daerah Ketereh (MDK). Anggaran jumlah sisa pepejal yang diterima adalah 340 tan sehari.

SOALAN NO : 38

Berdasarkan maklumat daripada Majlis Daerah Bachok, Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan pelbagai pembangunan dan penambahbaikan di TPBL dalam menambah baik operasi tapak pelupusan tersebut ke tahap sanitari *Level 3* bagi mengurangkan pencemaran di kawasan sekitar. Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah:

- i. membina *capping* bagi menutup sisa pepejal yang telah dimampatkan;
- ii. memasang bolong gas (*gas well*) untuk memudahkan pembebasan gas yang terhasil daripada proses pereputan sisa pepejal;
- iii. membina longkang larian *leachate* untuk menyalurkan air *leachate* ke LTP; dan
- iv. membina sel baharu dengan dilengkapi *Geosynthetics Clay Liner* (GCL) bagi mengelakkan air *leachate* dari meresap ke dalam tanah dan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Satu kajian bagi pembinaan projek loji biogas untuk menjana tenaga elektrik juga akan dilaksanakan pada awal tahun 2022. Dianggarkan projek ini akan mengurangkan 60% sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan apabila siap kelak.

Kerajaan Persekutuan melalui agensi-agensi teknikal seperti JPSPN dan SWCorp juga bersedia untuk memberikan khidmat nasihat teknikal kepada mana-mana PBT yang memerlukan dalam usaha memastikan pengurusan tapak pelupusan yang cekap dan seterusnya menjamin kesejahteraan penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.